



I'm  
learning

# Pengurusan Pelbagai Budaya



## Definisi Budaya

- Budaya merujuk kepada ciri-ciri atau hasilan tingkah laku yang dipelajari oleh sekumpulan manusia daripada persekitaran sosialnya (Amir 2002).
- Budaya adalah keseluruhan yang kompleks yang mengandungi ilmu pengetahuan, kepercayaan, kesenian, moral, undang-undang, adat dan sebarang bentuk keupayaan yang diperolehi oleh seseorang sebagai ahli masyarakat (Tylor 1871).
- Budaya adalah proses sosial di mana budaya dan struktur sosial adalah saling berkaitan (Bourdieu 1990).



## Definisi Pelbagai Budaya

Satu sistem kepercayaan dan tingkah laku yang mengiktiraf dan menghormati kewujudan kepelbagaian dalam kelompok sebuah organisasi atau masyarakat, mengakui dan menghargai perbezaan sosiobudaya, dan menggalakkan dan menerima sumbangan berterusan mereka dalam konteks dan budaya yang inklusif dalam organisasi atau masyarakat berkenaan.



# Perbezaan Individu dan Proses Pembelajaran

- Pelajar adalah berbeza dari segi bangsa, agama, minat, taraf ekonomi keluarga, gaya pembelajaran, keupayaan, dan jangka masa yang diperlukan untuk belajar.
- Sebahagian pelajar memerlukan bimbingan secara terus oleh guru namun terdapat sebilangan pelajar pula mampu belajar secara berkesan dengan penglibatan guru yang minimum.
- Guru perlu menggunakan kaedah dan teknik pengajaran yang berbeza sejajar dengan peranan sekolah sebagai institusi pendidikan inklusif.



# ...Perbezaan Individu dan Proses Pembelajaran

- Pendidikan inklusif = pendidikan umum yang melibatkan semua pelajar sama ada yang normal, kurang upaya, atau yang pintar cerdas dalam satu sekolah yang sama bagi memaksimumkan kemampuan mereka (belajar bersama dengan penyesuaian kurikulum).
- Tujuan pembezaan adalah untuk menggalakkan kejayaan pembelajaran dalam kalangan pelajar daripada latar belakang dan kebolehan yang berbeza untuk membuktikan apa yang mereka tahu, faham, dan apa yang boleh mereka lakukan.



# JENIS-JENIS PEMBEZAAN

- **Isi Kandungan** : Pembezaan kaedah mengajar yang melibatkan perbezaan isi kandungan.
- **Minat** : Pembezaan pengajaran isi kandungan boleh dilakukan mengikut minat pelajar.
- **Kadar**: Pembezaan kadar belajar merupakan jenis pembezaan yang paling kerap digunakan oleh guru



## ...JENIS-JENIS PEMBEZAAN

- **Tahap:** Pembezaan kadar belajar diikuti oleh pembezaan dari segi tahap.
- **Akses:** Pembezaan dari segi akses melibatkan guru menyediakan aktiviti yang sama bagi semua pelajar, tetapi cara pembentangan aktiviti diubahsuaikan bagi pelajar tertentu berdasarkan keperluan mereka.
- **Respons:** Pembezaan akses (kepada sumber) memberi peluang kepada pembezaan respons pelajar.



## ...JENIS-JENIS PEMBEZAAN

- **Urutan:** Pembezaan urutan kandungan kurikulum membolehkan pelajar memilih untuk menumpu kepada topik-topik tertentu dalam sukatan pelajaran sesuatu subjek.
- **Struktur:** Pembezaan struktur berlaku apabila pengajaran dirancang supaya pelajar belajar isi kandungan secara menyeluruh manakala yang lain belajar secara langkah demi langkah.



## ...JENIS-JENIS PEMBEZAAN

- **Masa guru:** Masa dan perhatian guru untuk pelajar-pelajar tertentu berlaku secara tidak terancang kerana guru tidak merancang masa mereka.
- **Stail pengajaran:** Pembezaan stail pelajaran adalah perlu supaya guru dan pelajar tidak menjadi bosan – visual learners, auditory, verbal etc.



## ...JENIS-JENIS PEMBEZAAN

- **Pengumpulan:** Guru mengamalkan pengumpulan sebagai satu kaedah pembezaan. Pengumpulan pelbagai dan imaginatif membolehkan guru menyediakan tugas-tugas yang spesifik dan bahan-bahan yang sesuai dengan objektif dan hasil pembelajaran yang dijangkakan.



# PENDIDIKAN PELBAGAI BUDAYA



## PENGENALAN

- Kepelbagaian latar belakang individu dalam masyarakat mempengaruhi kepelbagaian latar belakang para pelajar dalam institusi pendidikan (Banks, 1989).
- Misalnya dalam konteks Malaysia, para pelajar di institusi pendidikan terdiri daripada pelajar yang memiliki pelbagai latar belakang berbeza seperti agama, etnik, bahasa, dan budaya.
- Hal ini menunjukkan kewajaran mengenai kepentingan pendidikan pelbagai budaya.



## ...PENGENALAN

- **Definisi:** Pendidikan pelbagai budaya ialah proses atau strategi pendidikan yang melibatkan lebih daripada satu budaya, yang ditunjukkan melalui bahasa, etnik, atau ciri-ciri ras (Saha 1997).
- Pendidikan pelbagai budaya boleh berlaku dalam pendidikan formal atau tidak formal.
- Tujuan pendidikan pelbagai budaya adalah untuk mewujudkan kesedaran, toleransi, pemahaman, dan pengetahuan yang mengambil kira perbezaan dan persamaan antara budaya dan kaitannya dengan pandangan dunia, konsep, nilai, keyakinan, dan sikap.



## ...PENGENALAN

- Pendidikan pelbagai budaya dapat dilihat dari tiga aspek: **konsep, gerakan, dan proses** (Banks 1989).
- Dari aspek **konsep**, pendidikan pelbagai budaya merupakan idea yang melihat **semua pelajar mempunyai hak yang sama untuk belajar di dalam kelas** tanpa membezakan mereka dari segi jantina, kelas sosial, etnik atau kriteria lain.



## ...PENGENALAN

- Dari aspek gerakan, pendidikan pelbagai budaya didefinisikan sebagai usaha untuk mengubah institusi-institusi pendidikan sehingga pelajar daripada semua kaum, kelas sosial, jantina dan lain-lain memiliki peluang yang sama untuk belajar.
- Dari aspek proses, pendidikan pelbagai budaya dapat difahami sebagai proses untuk mencapai tujuan agar kesamaan pendidikan dapat dicapai oleh semua pelajar.



# Teori Sosial Pendidikan Pelbagai Budaya

## ***Melting Pot 1: Anglo Conformity***

- Masyarakat yang terdiri daripada individu dengan pelbagai latar belakang agama, etnik, bahasa, dan budaya harus disatukan dalam satu wadah yang paling dominan.
- Teori ini melihat individu dalam masyarakat secara hierarki, iaitu kumpulan majoriti dan minoriti.
- Sebagai contoh, apabila kumpulan majoriti adalah penganut agama A, maka kumpulan minoriti hendaklah mengikut agama golongan majoriti.
- Teori ini jelas tidak berpegang kepada prinsip demokrasi



## ***Melting Pot II: Ethnic Synthesis***

- Setiap individu dalam suatu masyarakat dengan pelbagai latar belakang, disatukan dalam satu wadah, dan seterusnya membentuk wadah baru, dengan memasukkan sebahagian unsur budaya yang dimiliki oleh setiap individu dalam masyarakat tersebut.
- Identiti agama, etnik, bahasa, dan budaya asli anggota masyarakat yang pelbagai ini akan membentuk satu identiti yang baru, lama-kelamaan akan hilanglah identiti yang asal.
- Teori ini tidak sepenuhnya demokratik, kerana hanya mengambil sebahagian unsur budaya asli individu dalam masyarakat, dan membuang sebahagian unsur budaya yang lain.



## ***Cultural Pluralism (Mosaic Analogy)***

- Masyarakat yang terdiri daripada individu dari pelbagai kaum yang mempunyai latar belakang agama, etnik, bahasa, dan budaya tersendiri, memiliki hak untuk mengekspresikan identiti budaya mereka secara demokratik.
- Teori ini sama sekali tidak meminggirkan identiti budaya tertentu, termasuk identiti budaya kelompok minoriti.



## Dasar Pendidikan Pelbagai Budaya Di Malaysia

- Masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum hendaklah disatukan di bawah satu bumbung pendidikan yang berteraskan pelbagai budaya.
- Prinsip Pendidikan Pelbagai Budaya telah ditegaskan sejak Laporan Barnes (1951), Laporan Fen- Wu (1951) dan ordinan Pendidikan 1952.
- Laporan Barnes (1951)mengesyorkan agar, "matlamat pendidikan dasar hendaklah membentuk satu rupa bangsa yang berdasarkan pelbagai kaum"



- Laporan Fen-Wu (1951) menyatakan "dasar pendidikan Malaya hendaklah ditujukan kepada matlamat membina warganegara Malaya ... menyediakan kanak-kanak untuk menempuh segala bidang kehidupan berdasarkan latar belakang kehidupan masyarakat Malaya."
- Dalam Ordinan Pendidikan 1952 telah dinyatakan bahawa, "matlamat pendidikan akan tercapai melalui pembentukan sekolah berbagai-bagai kaum yang bercorak kebangsaan ... dengan berorientasikan kehidupan di Malaya untuk kanak-kanak semua kaum ... dengan bahasa pengantar adalah bahasa rasmi, iaitu bahasa Melayu dan Inggeris ... di samping bahasa ibunda di sekolah vernakular Cina dan Tamil".



- Hasil daripada Laporan Rahman Talib, Dasar Pendidikan Kebangsaan telah dibentuk dan kemudiannya Kementerian Pelajaran telah mengemukakan Akta Pendidikan 1961.
- Dalam Akta tersebut telah dinyatakan " ... sistem pendidikan itu menepati prinsip bahawa kanak-kanak dididik sejajar dengan kehendak ibu bapa mereka yang berbilang kaum, agama dan budaya ... atas dasar demokrasi pendidikan dan pengekalan budaya etnik masing-masing kaum yang ada dalam masyarakat majmuk di negara ini."

- Walaupun pendidikan pelbagai budaya boleh meningkatkan perpaduan di kalangan pelajar, tetapi pendekatan ini kurang dijalankan oleh para pendidik di Malaysia.
- Menurut Najeemah (2003) empat sebab utama guru-guru tidak mengamalkan pendidikan pelbagai budaya iaitu :
  - Guru-guru tidak tahu atau memahami maksud sebenar pendidikan pelbagai budaya.
  - Guru tidak tahu cara untuk menggunakan pendidikan pelbagai budaya secara berkesan
  - Guru-guru tidak bermotivasi bagi mempelajari cara yang berkesan bagi pendidikan pelbagai budaya.
  - Guru-guru tidak menyedari mereka mempunyai tanggungjawab yang besar dalam melaksanakan pendidikan pelbagai budaya



## Prinsip Pendidikan Pelbagai Budaya Berkesan

- Pendidikan pelbagai budaya adalah pendidikan asas untuk menyediakan semua pelajar bagi memberi sumbangan secara maksimum dalam kehidupan dunia masa sekarang.
- Pendidikan pelbagai budaya harus termasuk dalam setiap kurikulum.
- Pendidikan pelbagai budaya meliputi tujuan-tujuan pembelajaran afektif dan kognitif
- Populasi pelajar dengan latar belakang yang pelbagai akan mengarah kepada pembelajaran yang terbaik bagi setiap individu pelajar.



# Ciri-ciri guru berkesan dalam pendidikan pelbagai budaya

Banks (1989)

- Sensitif terhadap tingkah laku para pelajar dari pelbagai latar belakang.
- Sensitif terhadap kemungkinan wujudkan kontroversi tentang topik yang diajar.
- Menggunakan teknik pembelajaran secara berkumpulan (koperatif) untuk meningkatkan integrasi etnik dalam pembelajaran.



# ...Ciri-ciri guru berkesan dalam pendidikan pelbagai budaya

Najeemah (2007)

- Guru mesti tidak berat sebelah dan perlu berfikiran terbuka.
- Guru perlu jujur dan menghargai alternatif budaya seperti bahasa, kepercayaan, nilai dan tingkah laku.
- Guru mestilah menganggap bahawa kepelbagaian budaya memberi manfaat kepada mereka. Dengan pengetahuan yang ada guru dapat memahami pelajar daripada budaya yang berlainan.



## Dimensi Pendidikan Pelbagai Budaya

- ***Content integration*** = mengintegrasikan berbagai budaya dan kelompok untuk mengilustrasikan konsep asas, generalisasi dan teori dalam mata pelajaran disiplin ilmu.
- ***The knowledge construction process*** = membawa pelajar untuk memahami implikasi budaya ke dalam sebuah mata pelajaran.
- ***An equity pedagogy*** = menyesuaikan kaedah pengajaran dengan cara belajar para pelajar dalam rangka membimbing prestasi akademik pelajar yang pelbagai baik dari segi ras, budaya ataupun sosial



- ***Prejudice reduction*** = mengenal pasti kriteria dan ciri-ciri budaya pelajar dan menentukan kaedah pengajaran yang sesuai untuk mereka. Ini adalah bagi mengurangkan perasaan prejedis terhadap budaya kaum lain.
- ***An empowering school Culture and Social Structure*** = melatih kelompok untuk menyertai dalam kegiatan olahraga, berinteraksi dengan seluruh staf dan pelajar yang berbeza etnik dan ras dalam membentuk dan memperkasakan budaya sekolah dan struktur masyarakat.



- Pelajar perlu merasa selesa dan diterima apabila mereka membawa identiti budaya mereka ke dalam bilik darjah
- Pengajaran pendidikan pelbagai budaya harus fleksibel kerana tidak ada satu pun kaedah pembelajaran sesuai untuk seluruh pelajar.
- Pengajaran pendidikan pelbagai budaya adalah berpusatkan pelajar, tidak sesuai apabila menggunakan kaedah kuliah.
- Pendidikan pelbagai budaya berasas kepada prinsip: penghargaan, empati dan kesamarataan



# Pendekatan Pelaksanaan Pendidikan Pelbagai Budaya

- Guru menolong pelajar untuk meningkatkan pencapaian akademik dalam semua bidang termasuklah kemahiran asas dengan menggunakan bahan pengajaran yang sensitif dan sesuai dengan latar belakang pelajar.
- Guru memberi perhatian kepada suara hati pelajar.
- Komunikasi secara verbal dan bukan verbal antara guru dan pelajar hendaklah dianalisa untuk meningkatkan penyertaan pelajar semasa proses pembelajaran.



- Cara belajar pelajar dan cara guru mengajar hendaklah difahami bagi membina dan mengembangkan kaedah pengajaran yang lebih berkesan.
- Pendidikan pelbagai budaya hendaklah dimasukkan ke dalam kurikulum secara formal.
- Pendidikan pelbagai budaya mesti memberi kesan kepada kurikulum di setiap peringkat.
- Pendidikan pelbagai budaya hendaklah mengajar pelajar untuk berfikir secara kreatif dengan memberi kebebasan untuk bertanya.



- Memerlukan pemahaman terhadap budaya kaum lain.
- Pendidikan pelbagai budaya mesti menggunakan masyarakat sebagai sumber.